

**“MENSYUKURI NIKMAT MEMBAWA BERKAT”**  
(21 DISEMBER 2018 / 13 RABI’UL AKHIR 1440)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْجَوَادِ الْكَرِيمِ الرَّؤُوفِ بِالْعِبَادِ، مَنْ عَلَيْنَا بِنِعْمٍ لَا يُحْصَى لَهَا تَعْدَادُ،  
وَيَسَّرَ لَنَا مِنْ فَضْلِهِ وَجُودِهِ حَتَّى عَمَّ الرِّخَاءُ الْحَاضِرُ وَالْبَادُ، وَرَزَقَنَا أَمْنًا وَاسْتِقْرَارًا  
حَتَّى أَصْبَحَ الْوَاحِدُ يَسِيرًا أَمِنًا لَا يَخَافُ إِلَّا اللَّهَ فِي جَمِيعِ الْبِلَادِ، أَحْمَدُهُ وَأَشْكُرُهُ،  
وَكُلَّمَا شَكَرَ زَادَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ وَاسِعُ الرِّزْقِ فَمَا لَهُ مِنْ تَفَادٍ، وَأَشْهَدُ أَنَّ  
سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَ اللَّهِ وَرَسُولُهُ، أَفْضَلُ الشَّاكِرِينَ عَلَى النِّعَمِ وَأَعْظَمُهُمْ صَبْرًا عَلَى مَا  
لَا يُرَادُ، اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَيْهِ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى  
يَوْمِ التَّنَادِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيَكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ،  
وَتَزَوَّدُوا فَإِنَّ خَيْرَ الزَّادِ التَّقْوَى، قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

﴿يَتَأْتِيَ الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ۖ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ﴾

**SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,**

Saya berpesan kepada diri saya dan sidang jemaah sekalian, marilah kita bertaqwa kepada Allah ﷻ dengan melaksanakan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menikmati rahmat dan keberkatan hidup serta berbahagia di dunia dan di akhirat. Mimbar Jumaat hari ini akan membicarakan khutbah berkenaan “**Mensyukuri Nikmat Membawa Berkat**” seiring dengan peringatan Allah ﷻ melalui surah Fatir, ayat 3:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿يَتَأْتِيَ النَّاسُ أَذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ ۚ هَلْ مِنْ خَلْقٍ غَيْرُ اللَّهِ يَرْزُقُكُمْ مِّنَ السَّمَاءِ  
وَالْأَرْضِ ۚ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ ۚ فَأَنَّى تُؤْفَكُونَ﴾

**Maksudnya:** “Wahai umat manusia, kenangkanlah nikmat Allah yang telah dikurniakan-Nya kepada kamu, tidak ada sama sekali yang menciptakan sesuatu selain Allah, Ia memberi rezeki kepada kamu dari langit dan bumi. Tiada Tuhan melainkan Dia; maka mengapa kamu rela dipalingkan (dari menyembahnya)?”

## **SIDANG JUMAAT YANG BERBAHAGIA,**

Sesungguhnya terlalu banyak nikmat Allah ﷻ kurniakan kepada kita semasa hidup di dunia ini. Pengertian nikmat dapat difahami sebagai segala bentuk kesenangan dan keselesaan bagi memenuhi keperluan hidup yang secara lazimnya dikehendaki dan disukai oleh setiap manusia. Antara nikmat tersebut ialah nikmat Iman, Islam, nyawa, sihat fizikal dan mental, makanan, keluarga, ilmu pengetahuan, kehidupan, kesihatan, kemerdekaan, keamanan, keharmonian, kemakmuran dan sebagainya. Sesungguhnya kita tidak mampu untuk menghitung nikmat-nikmat yang Allah ﷻ telah berikan kepada kita.

Tujuan Allah ﷻ mengurniakan pelbagai nikmat kepada kita adalah untuk membuktikan kebesaran dan kekuasaan-Nya. Nikmat itu jugalah yang memudahkan segala urusan dalam kehidupan seharian. Menguji keimanan dan kesabaran serta menguji sejauh mana kita mensyukuri nikmat yang dimiliki dan memanfaatkan ke arah jalan yang diredai oleh Allah ﷻ. Setiap nikmat yang kita kecapi hari ini akan dipersoalkan pada hari kiamat kelak sebagai mana firman Allah ﷻ melalui surah al-Takathur, ayat 8:

﴿ثُمَّ لَتَسْأَلُنَّ يَوْمَئِذٍ عَنِ النَّعِيمِ﴾

**Maksudnya:** “Selain dari itu, sesungguhnya kamu akan ditanya pada hari akhirat kelak tentang segala nikmat yang kamu telah menikmatinya.”

Dalam hal ini juga, Rasulullah ﷺ bersabda melalui hadis riwayat Imam al-Tirmizi daripada Abu Hurairah رضي الله عنه:

"إِنَّ أَوَّلَ مَا يُسْأَلُ عَنْهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ يَعْنِي الْعَبْدَ مِنَ النَّعِيمِ أَنْ يُقَالَ لَهُ:  
أَلَمْ نُصِحِّحْ لَكَ جِسْمَكَ ، وَنُرْوِيكَ مِنَ الْمَاءِ الْبَارِدِ"

**Mafhumnya:** “Sesungguhnya yang pertama ditanyakan kepada seorang hamba pada hari kiamat kelak ialah tentang nikmat-nikmat. Dengan diucapkan

kepadanya: “Bukankah Kami telah berikan kesihatan pada tubuhmu dan kami berikan air minum yang sejuk?”

Oleh itu, kita mesti menghargai dan mensyukuri setiap nikmat yang diperoleh dengan sentiasa mengingati Allah ﷻ sebagai pemberi nikmat. Bersyukur itu boleh kita laksanakan melalui tiga cara, iaitu: **Pertama**, bersyukur dengan hati, dengan menyedari dan menyakini bahawa semua nikmat dan kurniaan yang diperoleh merupakan anugerah Allah ﷻ. **Kedua**, bersyukur dengan lisan, iaitu dengan memuji Allah ﷻ sebanyak-banyaknya. **Ketiga**, bersyukur dengan perbuatan, iaitu taat beribadat kepada Allah ﷻ dan menggunakan segala nikmat kurniaan itu untuk tujuan kebaikan.

Selain itu, kita berusaha berkongsi nikmat yang ada bersama-sama dengan golongan yang memerlukan seperti fakir miskin melalui jamuan keraian, bantuan, sumbangan dan sedekah sebagai tanda menzahirkan nikmat kurniaan itu. Ingatlah, bahawa Allah ﷻ adalah pemberi nikmat yang mutlak dan Dia amat suka melihat kesan nikmat itu dimanfaatkan dalam kalangan hamba-hamba-Nya. Lantaran itu, Rasulullah ﷺ bersabda melalui hadis riwayat Imam al-Baihaki:

"إِنَّ اللَّهَ إِذَا أَنْعَمَ عَلَى عَبْدٍ نِعْمَةً يُحِبُّ أَنْ يَرَى أَثَرَ النِّعْمَةِ عَلَيْهِ"

**Mafhumnya:** “Sesungguhnya apabila Allah mengurniakan sesuatu nikmat kepada hamba-Nya, maka Allah suka agar nikmat itu tampak kesannya pada diri hamba itu.”

## **SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI SEKALIAN,**

Kebaikan bersyukur terhadap nikmat yang dikurniakan oleh Allah ﷻ ialah kita mendapat berkat dengan sentiasa merasa cukup terhadap nikmat yang dimiliki. Mendapat kelapangan dada dan ketenangan hati serta sentiasa menggunakan nikmat tersebut dengan sebaiknya. Inilah tanda-tanda keberkatan yang diperoleh kerana selalu berterima kasih kepada Allah ﷻ yang memberikan nikmat.

Namun hakikatnya manusia sering lalai dan alpa dalam mensyukuri nikmat-nikmat yang dikecapi, bahkan sangat sedikit daripada kalangan hamba Allah ﷻ yang bersyukur seperti mana dijelaskan melalui firman-Nya menerusi surah Saba' ayat 13:

﴿وَقَلِيلٌ مِّنْ عِبَادِيَ الشَّاكِرُونَ﴾

**Maksudnya:** “Dan sememangnya sedikit sekali di antara hamba-hambaKu yang bersyukur.”

Syeikh Muhammad Mutawali al-Sya'rawi (شيخ محمد متولي الشعراوي) ketika menghuraikan ayat ini menyatakan tidak ramai dalam kalangan manusia membalas nikmat Allah ﷻ dengan bersyukur. Malah, ada juga sebahagian manusia yang tergamak menggunakan nikmat ke jalan maksiat dan dosa. Justeru kita harus ingat, bahawa seseorang itu tidak dikira bersyukur apabila menggunakan nikmat Allah ﷻ pada jalan yang dimurkainya-Nya. Tindakan seumpama ini dianggap kufur nikmat dan balasannya ialah seksaan yang amat pedih di akhirat kelak. Maka kita hendaklah berwaspada, bahawa antara akibat tidak bersyukur dengan nikmat Allah ﷻ ialah merasa tidak pernah cukup dengan nikmat yang dikurniakan. Nikmat-nikmat yang diperoleh ini boleh ditarik balik oleh Allah ﷻ bila-bila masa dan hilang dalam sekelip mata. Hidup dalam kesempitan, hati selalu berasa keluh kesah, gelisah dan tidak tenang kerana tidak mendapat keberkatan daripada Allah ﷻ.

Oleh itu, langkah-langkah yang perlu dilakukan supaya setiap nikmat disyukuri agar sentiasa bertambah dan berkat ialah dengan membayar zakat harta apabila cukup syarat, tidak kedekut untuk menderma kepada pihak yang memerlukan dan fakir miskin serta sentiasa menggunakan setiap nikmat ke arah jalan yang diredai Allah ﷻ. Selain itu, jangan sesekali bersikap bangga diri dan sombong dengan nikmat yang ada kerana kita bukanlah pemilik mutlak nikmat tersebut, hakikatnya ia milik Allah ﷻ dan Dia Maha Berkuasa menariknya semula.

Kita juga perlu membuat penilaian sama ada kita benar-benar menghargai dan bersyukur kepada Allah ﷻ di atas segala nikmat dan rezeki yang dikurniakan, mudah-mudahan kita termasuk dalam golongan yang bertambah keimanan dan ketakwaan serta mendapat keberkatan. Atau kita termasuk dalam golongan yang tidak bersyukur, tidak peka atas nikmat yang diberikan dan tidak menyedari setiap nikmat yang terdapat pada diri kerana fokus fikiran hanya tertumpu pada apa yang belum dicapai dan tidak pernah merasa cukup dengan yang ada. Lalu termasuklah dalam golongan yang dicela oleh Allah ﷻ والعِيَاذُ - بِاللّٰهِ.

#### SIDANG JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar mengajak sidang jemaah sekalian agar sentiasa bersyukur atas nikmat yang dikurniakan selagi kita bernyawa. Apabila bersyukur pasti Allah ﷻ akan melimpahkan pelbagai nikmat lagi. Bersyukurlah, sama ada untuk nikmat zahir mahupun nikmat batin ataupun nikmat nampak dan tidak nampak, nescaya kita akan memperoleh kesenangan hidup di dunia dan kebahagiaan di akhirat kelak. Benar sekali bahawa syukur nikmat itu membawa berkat, manakala kufur nikmat itu akan mengundang laknat. Hal ini dapat difahami dengan jelas daripada firman Allah ﷻ melalui surah Ibrahim ayat 7:

﴿وَإِذْ تَأَذَّتْ رُءُوسُكُمْ لِمَنِ شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ وَلِمَنِ كَفَرْتُمْ إِنَّ عَذَابِي لَشَدِيدٌ﴾

**Maksudnya:** “Dan ingatlah tatkala Tuhanmu memberitahu: Sesungguhnya! Jika kamu **bersyukur** nescaya Aku **tambah nikmat-Ku** kepadamu, dan demi sesungguhnya, jika kamu kufur ingkar sesungguhnya azab-Ku amatlah keras.”

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيْمِ وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيْمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيْمُ، أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيْمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوْهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِيْنَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِيْنَ.

## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ وَتُؤْمِنُ بِهِ وَتَتَوَكَّلُ عَلَيْهِ وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ  
أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّهُ فَلَا هَادِيَ لَهُ.  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ سَيِّدُ الْخَلَائِقِ وَالْبَشَرِ. اَللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا وَنَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَكُونُوا مَعَ الصَّادِقِينَ. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ سُبْحَانَهُ وَتَعَالَى  
أَمْرُكُمْ بِأَمْرِ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَتَنَى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى مُخْبِرًا  
وَأَمْرًا :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

﴿ إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا  
تَسْلِيمًا ﴾

“Sesungguhnya Allah dan Malaikat-Nya bersalawat kepada Nabi; wahai orang  
yang beriman, bersalawatlah kamu kepadanya serta mohonkanlah  
kesejahteraan dengan sepenuh penghormatan.”

اَللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ  
وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا  
بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.  
وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ بْنُ  
أَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَدْنَسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَسَائِرِ  
الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ  
الرَّاحِمِينَ.

اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ.  
اَللّٰهُمَّ اَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلٰى السَّلَاطِيْنَ الْكِرَامِ، وَجَمِيعِ الْمُسْلِمِيْنَ الْعِظَامِ، الَّذِيْنَ قَضَوْا  
بِالْحَقِّ وَبِهِ كَانُوْا يَعْدِلُوْنَ. اَللّٰهُمَّ اَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِيْنََةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلٰى  
مَلِكِنَا، كباوه دولي يغ مها موليا سري قادوك بكيندا يغ دثرتوان اكوغ كليما بلس،  
سلطان محمد كليما وعلى كل قرابته اجمعين

وَكَذٰلِكَ عَلٰى دُولِيْ يَغ مها موليا سلطان نَزْرِيْن مُعِزُّ الدِّيْنِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُوْمِ سُلْطَانِ  
اَزَلَنْ مُحِبُّ الدِّيْنِ شَاهِ الْمَغْفُوْر لَهُ، تيمبالن يغ دثرتوان اكوغ، وعلى دُولِيْ يَغ مها  
موليا راج فرمايسوري فيرق دار الرضوان توانكو زارا ساليْم.

اَللّٰهُمَّ اَطْلُ عُمْرَهُمْ مُصْلِحِيْنَ لِلْمَوْظِفِيْنَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمْ لِطَرِيْقِ  
الْهُدٰى وَالرَّشَادِ.

اَللّٰهُمَّ اجْعَلْ مَا لِيْزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِيْنَ طَيِّبَةً اَمِنَةً مُّطْمَئِنَّةً رَّخِيَّةً، يَا رَوْوْفُ بِالْعِبَادِ.  
اَللّٰهُمَّ سَلِّمْ بِلَادَنَا مِنَ الْمَفْسِدِيْنَ وَ طَهِّرْهَا مِنَ الْمُتَطَرِفِيْنَ وَ وَفِّقْنَا جَمِيْعًا لِطَاعَتِكَ وَ طَاعَةِ  
رَسُوْلِكَ مُحَمَّدٍ ﷺ وَ طَاعَةِ مَنْ اَمَرْنَا بِطَاعَتِهِ يَا رَبَّ الْعٰلَمِيْنَ.

اَللّٰهُمَّ اَعِزَّ الْاِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِيْنَ، وَاَذِلَّ الشِّرْكَ وَالْمُشْرِكِيْنَ، وَدَمِّرْ اَعْدَانِكَ اَعْدَاءَ  
الدِّيْنِ، اَللّٰهُمَّ اَهْلِكِ الْكُفْرَةَ وَالطُّغَاةَ وَالظَّالِمِيْنَ يَا رَبَّ الْعٰلَمِيْنَ، اَللّٰهُمَّ اَنْصُرْ اِخْوَانَنَا  
فِي كُلِّ مَكَانٍ، وَاَنْصُرْهُمْ عَلٰى عَدُوْكَ وَعَلٰى عَدُوِّهِمْ ، اَللّٰهُمَّ اجْمَعْ كَلِمَتَهُمْ، وَوَحِّدْ  
صُفُوْفَهُمْ، يَا ذَا الْجَلَالِ وَ الْاِكْرَامِ.

*Ya Allah, Ya Tuhan Kami, Kami memohon agar dengan rahmat dan perlindungan-Mu, Negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan,*

*Tanamkanlah rasa kasih sayang diantara kami,kekalkanllah perpaduan dalam kalangan kami, semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, makmur dan selamat sepanjang zaman.*

﴿ رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴾

﴿ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴾

عِبَادَ اللَّهِ،

﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَنِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى عَنِ الْفَحْشَاءِ

وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يُعْطِكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.